



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN CARIAN DALAM REKOD KEWARGANEGARAAN  
KAEDAH 52 KAEDAH-KAEDAH KEWARGANEGARAAN (PINDAAN) 1996**

**1) ISI DAN LENGKAPKAN BORANG O**

- a) Bayaran bagi carian satu (1) tahun atau sebahagian darinya RM5.00
- b) Bayaran bagi carian tambahan satu (1) tahun atau sebahagian darinya RM5.00
- c) Maklumat carian seperti nombor, fasal, tempat, tarikh sijil dikeluarkan dan tahun carian (jika ada)

**2A) DOKUMEN PEMOHON (ASAL & SALINAN)**

**(Sekiranya Pemilik Dokumen)**

- a) Kad Pengenalan (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru (**mandatori**)
- c) Sijil Warganegara (jika ada)
- d) Cabutan Butir-Butir Dari Daftar Kad Pengenalan (**mandatori**)

**2B) DOKUMEN PEMOHON (ASAL & SALINAN)**

**(Sekiranya BUKAN Pemilik Dokumen)**

- a) Kad Pengenalan pemohon (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru pemohon (**mandatori**)
- c) Sijil Perkahwinan (sekiranya suami/ isteri pemilik dokumen) (**mandatori**)
- d) Sijil Kelahiran Anak (sekiranya permohonan dibuat oleh datuk/nenek) (**mandatori**)
- e) Surat Permohonan Rasmi dari Firma Guaman yang dilantik (**mandatori**)
- f) Kad Pengenalan Pemilik Dokumen (salinan sahaja)
- g) Sijil Warganegara Pemilik Dokumen (salinan sahaja)
- h) Cabutan Butir-Butir Dari Daftar Kad Pengenalan Pemilik Dokumen (**mandatori**)
- i) Sijil Kematian (sekiranya pemilik dokumen telah meninggal dunia) (**mandatori**)

**PERINGATAN:**

1. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
2. Permohonan boleh dibuat oleh:
  - i. Pemilik dokumen; atau
  - ii. Ibu/bapa pemilik dokumen; atau
  - iii. Anak kepada pemilik dokumen; atau
  - iv. Suami/Isteri pemilik dokumen; atau
  - v. Waris terdekat (datuk/nenek sahaja); atau
  - vi. Peguam yang diberikan surat wakil sahaja. Peguam yang mengemukakan permohonan bagi pihak anak guamnya perlu mengemukakan maklumat lengkap termasuk nama dan No. Kad Pengenalan beliau serta menurunkan cop rasmi guaman di Borang Permohonan
3. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika orang yang hendak didaftarkan (subjek)/ibu/bapa/adik beradik pernah memiliki dokumen berkenaan.
4. JPN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
5. Hanya pemohon yang mengemukakan permohonan boleh mengambil dokumen yang telah siap.
6. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.